



MTFTA bakal tingkat kerjasama perdagangan dua hala

Oleh Latifah Arifin - Julai 7, 2022 @ 8:51pm
latifah@bh.com.my


KUALA LUMPUR: Malaysia dan Turkiye sedang dalam proses akhir bagi memuktamadkan peluasan skop Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turkiye (MTFTA), kata Perdana Menteri, Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, melalui perjanjian itu, potensi besar perdagangan kedua-dua negara akan turut meliputi bidang baharu seperti pelaburan, perkhidmatan dan e-dagang.

"Dalam mengimbangi perdagangan dua hala, Presiden Turkiye dan saya turut menyentuh potensi Malaysia bukan sahaja sebagai rakan dagang utama tetapi Malaysia sebagai pintu masuk dan hab perdagangan ASEAN.

"Kedua-dua negara sedang berada dalam pusingan akhir peluasan skop MTFTA. Dari segi pelaburan, saya hargai keyakinan pelabur Turkiye di Malaysia. Saya juga yakin peluasan MTFTA akan membuka lebih banyak peluang pelaburan dua hala," katanya pada sidang media bersama Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan di Istana Presiden di Ankara, Turkiye, malam ini.

Sidang media khas itu disiarkan secara langsung di beberapa rangkaian televisyen termasuk RTM, TV3 dan BERNAMA.



Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memperkenalkan rakyat Malaysia yang bersama dengan rombongan kepada Presiden Turki Recep Tayyip Erdogan di Istana Presiden hari ini - BERNAMA